Bestari

EDITOR : YAACOB ABDUL RAHIM
TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4291 FAKS : 03-20567083/7084

DUNIA BARU, CABARAN BARU

Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

Debaran lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan sijil setaraf untuk mengetahui mereka akan ditempatkan ke universiti mana berakhir apabila keputusan permohonan melalui UPUOnline sudah diumumkan, Isnin lalu.

Selepas memperoleh keputusan itu, debaran memikirkan perjalanan ke menara gading yang bermula Sepetember depan pula menyusul.

Ini kerana bagi mempersiapkan diri sebagai 'freshie' (siswa baru) berciri kelas pertama, mereka perlu memahami secara mendalam pelbagai persediaan dan cabaran yang bakal ditempuh.

> 4&5

ISNIN 15 OGOS 2016

1

2

LAKU TRANSFORMASI MINDA, DIRI

Jika di sekolah bergantung kepada bimbingan guru, pengajian di universiti jauh berbeza

INFO

Forum Ekonomi Dunia menggariskan 10 kemahiran utama yang diperlukan majikan menjelang tahun 2020. Antaranya kreativiti menghasilkan idea baru dan imaginasi menjadikannya realiti, pengurusan sumber manusia, penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal.

FOKUS

DARI MUKA 1

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang juga Pengetua Kolej Kediaman Perwira, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat, Johor Dr Afandi Ahmad berkata, siswa baru perlu memahami mengapa transformasi minda cukup signifikan di menara gading.

Katanya, transformasi minda merujuk kepada perubahan pola pemikiran daripada sistem pembelajaran di sekolah yang akan berubah hampir 360 darjah sebaik memulakan pengajian peringkat sarjana muda yang jauh lebih mencabar.

"Ia memerlukan daya fikir kreatif dan kritis. Jika di sekolah mereka banyak bergantung kepada bimbingan, bantuan dan panduan guru, pengajian di universiti jauh berbeza.

"Di universiti, pengajian perlu dilalui dengan keupayaan membawa diri menerusi pengawasan minimum dan hampir semua aspek perlu direncana siswa sendiri. Pensyarah atau penasihat akademik hanya akan menjadi pemudah cara, selebihnya terpulang kepada siswa," katanya

Dr Afandi berkata, jika siswa baru tidak bersedia melakukan transformasi minda, mereka dikhuatiri akan mengalami kejutan budaya yang boleh melumpuhkan imunisasi minat dan niat asal memasuki universiti.

"Bagi tujuan itu, mereka mesti melakukan beberapa siri transformasi diri untuk kebaikan masing-masing.

"Jika tidak, mereka dikhuatiri sukar menyesuaikan diri sehingga menimbulkan konflik lain pula," katanya.

Katanya, selain transformasi minda, transformasi nilai diri juga penting agar mereka boleh bersaing dan menjadi siswa minda kelas pertama.

"Transformasi nilai diri merujuk kepada sejauh mana mereka yang berjaya mendapat tempat di universiti awam (UA) bersyukur dengan ruang dan peluang itu sedangkan ramai rakan mereka gagal atau terpaksa merayu (menerusi sistem rayuan).

"Perasaan syukur ini perlu dizahirkan dengan melakukan akujanji jelas dan boleh diukur kepada ahli keluarga, khususnya ibu bapa.

"Ini penting kerana apabila mendaftar di universiti, seluruh anggota keluarga akan teruja dan sama-sama membantu membuat persiapan selain memikirkan sumber kewangan sebelum mendapat bantuan pembiayaan," katanya.

Beliau turut mengingatkan mereka supaya melakukan muhasabah diri terhadap niat sebenar memasuki universiti.

"Jika menyambung pengajian hanya kerana mahu mengikut rakan dan tidak jelas apa yang ingin dicapai dalam tempoh empat tahun di universiti, seelok-eloknya mereka meneliti semula niat memasuki menara gading," katanya.

Menurutnya, matlamat yang tidak jelas itu sering berlaku di kampus yang akhirnya mendatangkan beban bukan saja kepada siswa, malah ibu bapa dan keluarga.

"Untuk tujuan itu, disyorkan bakal siswa mengambil sedikit masa melakukan analisis SWOT atau Strength, Weakeness, Opportunity, Threat (Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman) terhadap diri masing-masing bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri, apakah peluang dan ancaman yang bakal dihadapi.

"Ini penting agar mereka lebih berpijak di bumi nyata dan pengajian sarjana muda tidak dilakukan seperti melepaskan batuk di tangga, cukup sekadar lulus saja," katanya.

Dr Afandi berkata, lazimnya semua program transformasi akan dirangkumkan pada minggu orientasi, namun tidak ramai memberi perhatian, sebaliknya menganggap ia membosankan.

Berikutan itu, katanya, set minda ini perlu diperbetulkan kerana program orientasi adalah permulaan 'hijrah' kepada siswa untuk merintis laluan berkualiti.

"Sebagai contoh, usaha memperoleh ijazah kepujian kelas pertama atau Anugerah Pelajar Diraja bermula sebaik menjejakkan kaki ke universiti, bukan selepas berada pada tahun kedua atau ketiga pengajian.

"Sertai semua aktiviti yang disusun dalam minggu orientasi. Catat semua perkongsian, sesi taklimat akademik dan hal ehwal berkaitan kampus," katanya.

Katanya, cabaran siswa kini makin hebat kerana mereka bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik, malah perlu mempunyai nilai kemahiran insaniah (KI) hebat.

3

4

5

6

7

8



9

1. UNIVERSITI menjadi tempat siswa mempersiapkan diri dengan ilmu dan pengalaman sebelum cabaran di alam pekerjaan selepas menamatkan pengajian. - Gambar hiasan

2. SISWA baru perlu melakukan pelbagai persiapan untuk menghadapi pengajian yang berbeza berbanding di sekolah. - Gambar hiasan

3. MINGGU orientasi landasan awal membentuk pengukuhan jati diri siswa untuk berdepan kehidupan di kampus. - Gambar hiasan

4. GUNAKAN sepenuhnya kesempatan ketika berada di universiti untuk meraih kejayaan dalam pelajaran. - Gambar hiasan

5. PENGAJIAN di universiti perlu dilalui dengan keupayaan membawa diri menerusi pengawasan minimum dan hampir semua aspek perlu direncana oleh siswa sendiri.- Gambar hiasan

6. SISWA baru perlu mengikuti minggu orientasi kerana ia memberi bimbingan mengenai perjalanan pengajian di universiti. - Gambar hiasan

7. APABILA bakal mendaftar di universiti, seluruh keluarga akan teruja dan sama-sama membantu membuat persiapan. - Gambar hiasan

8. SELESAI minggu orientasi, siswa baru akan lebih bersedia melalui kehidupan di kampus. - Gambar hiasan

9. AKURLAH pada akujanji yang sudah dilafazkan bagi merintis laluan menjadi siswa. - Gambar hiasan

> Di universiti, pengajian perlu dilalui dengan keupayaan membawa diri menerusi pengawasan minimum dan hampir semua aspek perlu direncana siswa sendiri
>
> DR AFANDI